



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: 400-0/11/(66)

Tarikh : 30hb Mac 2015

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah

Y. Bhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 1 /2015 PERAKAUNAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) DALAM SISTEM PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI SABAH

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Negeri mengenai Perakaunan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dalam Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri Sabah.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Seperti yang Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan sedia maklum bahawa Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta 76) akan berkuatkuasa mulai 01 April 2015.
- 2.2 Sehubungan dengan itu Setiausaha Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Surat Pekeliling Jabatan Ketua Menteri Bil: 3/2015 bertarikh 25 Mac 2015 bertajuk "Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ke atas Perolehan Kerajaan" yang bermaksud semua Pegawai adalah bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan GST ke atas perolehan Kerajaan dipatuhi sepenuhnya.
- 2.3 Bagi tujuan perakaunan GST dalam Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri Sabah Jabatan Bendahari Negeri adalah dengan ini menerangkan tatacara perakaunan yang perlu dipatuhi untuk memastikan 'Input Tax' dan 'Output Tax' diperakaunkan dengan teratur supaya bayaran kepada dan tuntutan balik GST daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dapat dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan Negeri yang berdaftar dengan pihak JKDM.

...../2-



- 2.4 Sehubungan dengan pelaksanaan GST Kementerian/Jabatan perlu maklum bahawa GST bukan perbelanjaan kepada Kementerian/Jabatan jika 'Input Tax' dapat di *offset* dengan 'Output Tax'. Walaubagaimanapun 'Input Tax' merupakan perbelanjaan kepada Kementerian/Jabatan jika Kementerian/Jabatan tidak berdaftar dengan GST dan tiada 'Output Tax' untuk di *offset*.
- 2.5 Secara ringkas untuk Kementerian/Jabatan yang berdaftar dengan GST di mana 'Input Tax' boleh di *offset* dengan 'Output Tax' yang berkaitan bermakna 'Input Tax' bukan perbelanjaan dan 'Output Tax' adalah terimaan JKDM yang dipungut oleh Kementerian/Jabatan bagi pihak JKDM.

3. PERAKAUNAN GST

3.1 KOD AKAUN

Terdapat dua kod akaun yang terpakai dalam tatacara perakaunan GST dalam Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri Sabah seperti berikut:

3.1.1 Kod Akaun A92 000 000000 000000 00000000 00000

Akaun Kumpulan Wang Khas Persekutuan – kod akaun ini digunapakai untuk memperakaunkan tiap-tiap transaksi 'Input Tax' dan 'Output Tax'.

Debit entry untuk 'Input Tax' manakala *Credit entry* untuk 'Output Tax'

3.1.2 Kod Akaun A97 000 000000 000000 00000000 00000

Federal Inter – Admin Settlement Account – Kod akaun ini telah diprogram bahawa Baki Bersih (Net-off) Debit/Kredit di Kod Akaun A92 000 000000 000000 00000000 00000 akan ditunjukkan sebagai Baki bawa ke hadapan di kod akaun A97 ini selepas Penutupan Akaun Bulanan Kerajaan Negeri.

Sekiranya kod akaun A97 berbaki debit tuntutan perlu dibuat kepada JKDM. Jika berbaki kredit Kementerian/Jabatan perlu membuat bayaran kepada JKDM.

3.2 TATACARA PERAKAUNAN GST

3.2.1 INPUT TAX

3.2.1.1 Certificate of GST Relief (CoGSTR)

Perolehan bekalan barang (Goods) kecuali bagi kereta import dan petroleum diberi pelepasan daripada membayar GST dengan melalui pengeluaran Certificate of GST Relief (CoGSTR) oleh Ketua Jabatan atau wakil yang diberi kuasa.

3.2.1.2 Perolehan bekalan perkhidmatan (Services)

Jika Kementerian/Jabatan tidak berdaftar dengan GST dan membuat bayaran inbois pembekal yang mengenakan 6% GST maka Kementerian/Jabatan berkenaan adalah *final consumer* dan dengan itu perlu menyelesaikan semua amaun inbois tersebut sebagai perbelanjaan Kementerian/Jabatan dengan mendebit vot peruntukan perbelanjaan berkaitan.

Jika Kementerian/Jabatan berdaftar dengan GST dan mempunyai 'Output Tax' yang relevan untuk di *offset* dengan 'Input Tax' maka Kementerian/Jabatan hendaklah membayar 6% GST yang dikenakan oleh pembekal dalam inbois melalui kod akaun A92 dengan mendebit kod akaun ini manakala harga bekalan perkhidmatan dibayar dengan mendebit vot peruntukan perbelanjaan berkaitan.

3.2.1.3 Baucar bayaran

Entry dalam baucar bayaran hendaklah menunjukkan secara berasingan vot perbelanjaan berkenaan dan kod akaun A92 untuk GST.

3.2.2 OUTPUT TAX

3.2.2.1 Membekal barang dan perkhidmatan

Jika Kementeeian/Jabatan berdaftar dengan GST dan mengeluarkan inbois kepada pengguna/pelanggan untuk bekalan barang dan perkhidmatan maka inbois tersebut hendaklah menunjukkan amaun GST 6% (Output Tax) ke atas harga barang atau perkhidmatan tersebut berasingan.

3.2.2.2 Resit terimaan hasil dan pungutan GST

Apabila bayaran ke atas inbois tersebut diterima caj 6% GST tersebut hendaklah dikredit terus ke kod akaun A92 manakala harga barang atau perkhidmatan tersebut dikredit ke kod akaun hasil yang berkenaan.

3.2.3 TUNTUTAN GST DARIPADA JKDM

Semua entry debit 'Input Tax' dan entry kredit 'Output Tax' dalam kod akaun A92 pada penutupan akaun bulanan akan *offset* dengan sendirinya dan jika 'Input Tax' melebihi 'Output Tax' maka amaun perbezaan tersebut dengan otomatiknya menjadi baki debit bawa ke hadapan dalam kod akaun A97. Dengan demikian Kementerian/Jabatan perlu mengemukakan tuntutan bayaran balik dari JKDM.

Tuntutan hendaklah disokong dengan dokumen yang lengkap dan teratur seperti salinan lejar akaun perbendaharaan dan sebagainya. Apabila bayaran diterima dari JKDM resit hendaklah dikeluarkan dengan mengkredit kod akaun A97 tersebut.

3.2.4 BAYARAN GST KEPADA JKDM

Sekiranya amaun 'Input Tax' kurang berbanding dengan 'Output Tax' dalam kod akaun A92 pada penutupan akaun bulanan maka amaun perbezaan tersebut dengan otomatiknya menjadi baki kredit bawa ke hadapan dalam kod akaun A97. Dengan demikian Kementerian/Jabatan berkenaan perlu membuat bayaran amaun tersebut kepada JKDM. Baucar bayaran hendaklah mendebit kod akaun A97 tersebut dan hendaklah disokong dengan dokumen yang lengkap dan teratur.

3.2.5 LEJAR PERBENDAHARAAN

Akaun Lejar Perbendaharaan bulanan kod akaun A92 dan A97 akan dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan yang berkenaan untuk rujukan transaksi-transaksi 'Input Tax' dan 'Out Tax' dalam kod akaun A92 serta baki perlu dituntut atau perlu dibayar GST dalam kod akaun A97.

Kementerian/Jabatan berkenaan juga perlu membuat penyesuaian akaun bulanan ke atas kod akaun A92 dan A97 tersebut dengan Buku Vot Akaun. Oleh itu Buku Vot Akaun A92 dan A97 hendaklah diselenggara dengan lengkap dan teratur oleh Kementerian/Jabatan yang berkenaan

3.2.6 PENYIMPANAN REKOD PERAKAUNAN

Semua rekod perakaunan berkaitan GST hendaklah diselenggara dengan lengkap dan teratur oleh Kementerian/Jabatan dan perlu disimpan selama tempoh tujuh (7) tahun untuk tujuan rujukan dan pemeriksaan.

Kementerian/Jabatan perlu memastikan semua rekod bayaran dan tuntutan GST dari JKDM adalah teratur dan sentiasa kemaskini supaya tidak berlaku tuntutan atau bayaran berganda.

3.2.7 CONTOH TATACARA PERAKAUNAN GST - Rujuk Lampiran A

Untuk memudahkan Kementerian/Jabatan memahami dengan lebih mudah perakaunan GST sila rujuk Lampiran A - contoh tatacara perakaunan GST yang disertakan dalam pekeliling ini.

3.2.8 KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada 1 April 2015.

Sekiranya ada sebarang kemuskilan berkaitan pelaksanaan surat pekeliling ini sila berhubung dengan Jabatan Bendahari Negeri selanjutnya di talian telefon 088-272000 atau 088-272332.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(CHUI NGAI NGO)
Bendahari negeri

s.k Pengarah
Jabatan Audit Negara
KOTA KINABALU

CONTOH TATACARA PERAKAUNAN GST

1.0) Tatacara

1.1)



1.2) Input Tax

To pay an invoice with GST

E.g. Invoice	RM3000	DR Expenditure Code
6% GST	180	DR A92 (GST)
Total	<u>RM3180</u>	<u>CR Cash</u>

1.3) Output Tax

To be included in the invoice

E.g. Invoice	RM2000	CR Revenue Code
6% GST	120	CR A92 (GST)
Total	<u>2120</u>	<u>DR Cash</u>

1.4) Input Tax to Offset Output Tax

E.g. 1) Input Tax $>$ Output Tax

To pay invoice/Bill	RM3,000,000
6% GST	RM 180,000
Total	<u>RM3,180,000</u>
Receipt + Output Tax	
Revenue Received	RM2, 000,000
6% GST	120,000
	<u>RM2, 120,000</u>
GST Akaun (A92)	

DR	CR
RM	RM
180, 000	120, 000

Settlement Akaun (A97)	Bal b/f	DR	CR
For GST	60,000(DR)		
Claim for refund of RM60,000 (issue receipts CR to A97)			

Eg. 2) Input Tax $<$ Output Tax

Costs + Input Tax

To Pay Invoice	RM1,500, 000
6% GST	RM 90, 000
	<u>RM1,590, 000</u>

Receipts + Output Tax

Revenue Received	RM2, 000, 000
6% GST	RM 120, 000
Total	<u>RM2, 120, 000</u>

GST Akaun (A92)

DR	CR
RM	RM
90,000	120,000

Settlement Akaun(A97) bal. b/f	DR	CR
For GST	30,000 (CR)	

Refund to Custom of RM30, 000

Prepare Voucher to DR A97